

**SOALAN NO : 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[KAPAR]

**TARIKH :** 17 MAC 2014

**SOALAN :**

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- a) apakah peranan dan strategi untuk mengelakkan fungsi PERMATA bertindih dengan Kementerian Pendidikan, bagi memastikan pembangunan pendidikan awal yang lengkap dan sempurna; dan
- b) sumber kewangan dan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk PERMATA setiap tahun sejak ia ditubuhkan dan dari mana lebih peruntukan PERMATA disalurkan, setelah peruntukan bajet tidak setara dengan kenyataan pihak PERMATA bahawa kerajaan menyalurkan RM150 juta kepada mereka.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

PERMATA Negara melaksanakan Program Asuhan dan Didikan Awal kepada kanak-kanak sejak lahir hingga usia 4 tahun yang menekankan kepada pendekatan bagi membina keupayaan kanak-kanak untuk merangsang minda mereka. Objektif utamanya ialah bagi memastikan setiap kanak-kanak yang lahir akan diberikan peluang memulakan pembelajaran terbaik (*the best start in life*) melalui program asuhan dan didikan yang berkualiti.

PERMATA Negara yang dimulakan sejak tahun 2007 telah dirancang dengan begitu teliti bagi mencapai objektif penubuhannya. Mulai tahun 2009, PERMATA Negara telah diperluaskan secara berperingkat ke seluruh negara dan sehingga kini terdapat 684 buah TASKA di bawah kelolaan beberapa agensi kerajaan.

PERMATA Negara juga telah menggubal kurikulumnya sendiri yang kini telah digunakan oleh TASKA di bawah kelolaan Kerajaan dan sebahagian kelolaan pihak swasta. Di samping itu, PERMATA Negara telah melaksanakan Kursus PERMATA Negara bagi menyelaraskan program latihan untuk semua pendidik, pengasuh dan penyelia TASKA.

Dari segi pelaksanaannya pula ianya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri berikutan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mempunyai bidangkuasa untuk melaksanakan program

bagi kanak-kanak di bawah umur 4 tahun. Di bawah program ini, satu Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak telah digubal bagi digunakan oleh semua TASKA yang menyediakan perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak bagi memastikan yang berkualiti dapat diberikan kepada mereka. Kementerian Pendidikan menjalankan program pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun bagi menyediakan pengalaman pembelajaran sebelum melangkah ke persekolahan formal. Kedua-dua program mempunyai kumpulan sasar yang berbeza dan keperluan mereka adalah unik mengikut umur dan individu namun ianya telahpun dirancang agar berkesinambungan dan bersifat *complementary*.

Bagi tahun 2009, Bahagian PERMATA telah menerima peruntukan berjumlah RM 150 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan sebahagian besar digunakan bagi memperluaskan Program PERMATA Negara ke seluruh TASKA kelolaan kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) serta TASKA Tempat Kerja dan TASKA Komuniti di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sekiranya terdapat lebihan peruntukan, pihak JPM akan menyalurkan peruntukan tersebut kepada mana-mana projek JPM yang mengalami kekurangan peruntukan. Pihak PERMATA akan sentiasa mengamalkan langkah berjimat cermat dalam perbelanjaanya.

Sekian. Terima kasih.